

Amaran terhadap penjawat awam jadi 'tali barut' dedah maklumat

SHAH ALAM 11 Okt. - Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Dr. Ali Hamsa memberi amaran akan mengambil tindakan tegas terhadap penjawat awam yang menjadi 'tali barut' dengan mendedahkan maklumat sulit kerajaan kepada pihak luar.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa memantau perkara tersebut dan akan memastikan individu yang melakukan perbuatan tidak bertanggungjawab itu tidak terlepas.

"Mendedahkan maklumat sulit kerajaan sememangnya merupakan perbuatan yang tidak berintegriti.

"Jika terjadi, kita akan menyiasat dan menyerahkannya kepada agensi yang bertanggungjawab mengambil tindakan dalam kes seperti ini. Contohnya jika perbuatan 'tali barut' itu melibatkan perbuatan rasuah, kita serah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Perjumpaan KSN bersama Penjawat Awam Persekutuan Negeri Selangor bertema 'Merakyatkan Perkhidmatan Awam' di Pusat Konvensyen Intekma Resort di sini hari ini.



SULTAN Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima menghadap Ali Hamsa di Istana Kayangan, Shah Alam, semalam. - BERNAMA.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Mohamed Khusrin Munawi.

Ali menegaskan, aspek integriti perlu dititikberatkan dalam sektor awam agar ia tidak dicemari dengan

insiden yang tidak bertanggungjawab seperti amalan rasuah dan kelewatan bekerja yang disengajakan.

Beliau berkata, perbuatan tersebut merupakan salah satu aspek penilaian tahap kemajuan sesebuah negara yang bukan terhad kepada aspek kekuatan ekonomi sahaja.

Melalui pendekatan Merakyatkan Perkhidmatan Awam, beliau berharap agar penjawat awam dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dan meningkatkan mutu penyampaian kepada rakyat selaras dengan insentif bonus yang diberikan oleh kerajaan.

"Dalam pada memberi perkhidmatan yang terbaik, ketua-ketua jabatan juga dinasihati untuk turun padang bagi menjaga kebajikan penjawat awam.

"Amalan turun padang ini dilihat membawa dua faedah iaitu penguasaan atasan dapat mengeratkan silaturahim dengan pegawai penjawat awam serta memahami masalah yang dihadapi oleh pegawai mereka agar dapat melaksanakan tugas," ujarnya.

Tambah Ali, penjawat awam juga digalakkan mengamalkan sikap keterbukaan dari segi mengeluarkan idea dan menerima kritikan sama ada daripada rakyat mahupun kalangan mereka sendiri.